



Headline: Pengarah JSJK nyaris jadi mangsa
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 8 August 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 13

Rugi 'Scam' RM2b setahun

Pengarah JSJK nyaris jadi mangsa

Kes bukti ada kebocoran maklumat peribadi pengguna

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my



Mohd Zakaria Ahmad

Kuala Lumpur: Kira-kira RM2 bilion setahun nilai kerugian direkodkan akibat penipuan jenayah komersial menerusi panggilan telefon atau laman sosial di negara ini sejak 2015.

Statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman menunjukkan purata kerugian itu direkodkan setiap tahun sejak 2015 sehingga 2018.

Jenayah komersial paling popular adalah tawaran pinjaman tidak wujud, skim pelaburan dari dalam dan luar negara, penipuan dalam talian atau e-dagang serta sindiket *Macau scam* dan *love scam*.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Zakaria Ahmad yang mengaku beliau sendiri nyaris menjadi mangsa penipuan, berkata kes berkenaan menunjukkan ada unsur kebocoran maklumat peribadi.

"Saya sendiri pernah dihubungi individu mendakwa dari sebuah bank, malah dia boleh pula menyebut jenis kad kredit yang saya gunakan. Ini menunjukkan ber-

laku kebocoran maklumat peribadi pengguna.

"Polis sedang siasat perkara ini dan berharap pihak tertentu seperti bank juga ambil peranan menyimpan maklumat peribadi pelanggan bagi mengelak kebocoran," katanya pada sidang media selepas Seminar Trend Terkini Jenayah Komersial, di sini semalam.

Bagi tempoh Januari hingga Jun lalu, katanya, nilai kerugian akibat jenayah komersial mencecah RM250 juta dengan 5,069 kes dilaporkan kepada polis yang turut memberkas 1,973 individu terlibat dalam jenayah itu.

Beliau berkata, tiga jenis jenayah komersial paling popular ketika ini ialah penipuan telekomunikasi menerusi panggilan telefon termasuk *Macau Scam*, pembelian dalam talian atau e-dagang serta *love scam* didalangi warga Afrika.

"Tiga jenis penipuan itu adalah trend dan modus operandi baharu. Contohnya, penipuan mene-

Modus operandi Macau Scam

- 1 Sindiket telefon mangsa mengaku sebagai pegawai bank
- 2 Minta mangsa berikan nama penuh dan nombor kad pengenalan
- 3 Setelah buat 'semakan', beritahu mangsa ada tunggakan pembayaran pinjaman peribadi
- 4 Jika mangsa nafsi ada buat pinjaman peribadi, mangsa dimaklumkan 'kononnya' butiran peribadi miliknya disalah guna pihak ketiga
- 5 Minta mangsa telefon BNM atau PDRM untuk buat aduan
- 6 Mangsa diberikan nombor telefon 'BNM atau PDRM' untuk buat aduan dan semakan
- 7 Sindiket guna sistem VOIP untuk ubah panggilan ke telefon mereka
- 8 Panggilan itu dijawab ahli sindiket yang menyamar pegawai BNM atau PDRM
- 9 Mangsa diminta pindahkan wang dalam akaun bank mereka ke akaun bank pihak ketiga 'kononnya' untuk tujuan keselamatan dan siasatan
- 10 Mangsa diarah supaya tidak memberitahu sesiapa kerana boleh 'menjejaskan' siasatan.

Mangsa Scam	
Guru 15 Julai	Setiausaha eksekutif 9 Julai
Panik dikatakan bapanya disiasat polis kerana terbabit dengan pengubahan wang haram, seorang guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA), Jerantut, kerugian RM10,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai Ketua Polis Alor Setar.	Akibat bimbang ditahan polis, seorang setiausaha eksekutif wanita, 55, mendakwa kerugian RM30,700 ditipu sindiket Macau Scam.
Jurutera 14 Jun	Kerani 25 Mei
Seorang jurutera, 41, kerugian RM350,000 selepas diperdayakan sindiket Macau Scam di sebuah bank di Bandar Baru Nilai dan Tabung Haji (TH) di Kuala Lumpur.	Seorang kerani wanita berusia lingkungan 40-an kerugian RM534,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam.

*Mangsa BNM - Bank Negara Malaysia / PDRM - Polis Diraja Malaysia / KSP - Iktisad merujuk kepada Pejabat

rusi telekomunikasi menunjukkan ada kebocoran maklumat peribadi pengguna.

"Ini kerana suspek mempunyai maklumat berkenaan ketika membuat panggilan palsu. Bagi e-dagang pula, pengguna perlu lebih berhati-hati membeli barang dalam talian seperti Facebook.

"Amalkan kaedah bayar secara tunai ketika menerima barang atau COD untuk mengelak ditipu. Selain itu, jangan mudah terjerat

dengan *love scam*," katanya.

Katanya, penjenayah 'love scam' selalunya mendakwa berasal dari luar negara dan mengumpan kononnya akan menghantar bungkusan hadiah sebelum mendakwa barangan itu berdepan masalah pelepasan kastam.

"Mereka kemudian memaklumkan mangsa perlu membayar jumlah tertentu, kononnya sebagai wang pemprosesan untuk melepasi pihak kastam," katanya.

Mohd Zakaria berkata, jenayah komersial yang semakin membimbangkan secara tidak langsung boleh memberi kesan kepada ekonomi negara kerana ia mampu menjejaskan keyakinan pelabur.

"Mungkin ada pihak luar kurang yakin membuat pelaburan di negara kita selepas melihat statistik berkenaan, melihat kelemahan dalam sistem kerana aliran keluar masuk wang dengan mudah," katanya.